



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 25 JULAI 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
1.	EMPAT DIMENSI UTAMA JADI UKURAN PASTIKAN SEKURITI MAKANAN BERTERUSAN, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	4 DIMENSI JADI UKURAB JAMIN SEKURITI MAKANAN, BH, NASIONAL -8	
3.	4 DIMENSI UTAMA SEKURITI MAKANAN, SH, NASIONAL -18	
4.	FOUR FOCUS POINTS TO ENSURE FOOD SECURITY, THE SUN, NEWS WITHOUT BORDER -2	
5.	LEBIH 3,300 HEKTAR TANAH TERBIAR DIUSAHA, HARAKAH, KELANTAN -H12	JABATAN PERTANIAN (DOA)
6.	FASILITI KESIHATAN MMELAKA MASIH TERIMA BAYARAN TUNAI, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	TIGA PULAU DI MELAKA DIWARTA TAMAN LAUT NEGARA, BH, NASIONAL -14	
8.	TIGA PULAU DI MELAKA DIWARTA TAMAN LAUT, KOSMO, NEGARA -4	
9.	TIGA PULAU TUNGGU KELULUSAN DIISYTIHAR TAMAN LAUT NEGARA, HM, LOKAL-18	
10.	PROSES MEWARTAKAN TIGA PULAU DI MELAKA SEBAGAI TAMAN NEGARA DI PERINGKAT AKHIR, SH, NASIONAL -10	
11.	CORAL BUILDING BLOCKS, THE SUN, NEWS WITHOUT BORDER -5	
12.	PESAWAH TERUJA CUBA BENIH PADI IS21, SH, NEGERI KELANTAN -36	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
13.	SMART SAWAH TINGKAT PENGETAHUAN PADI, HARAKAH, KELANTAN -H12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
14.	AGROBANK BANTU INTERCON HARUNG! WAKTU SUKAR PANDEMIK COVID-19, UM, DALAM NEGERI -5	AGROBANK
15.	PEKEBUN SAYUR RAIH PENDAPATAN RM180,000 SEMUSIM, KOSMO, NEGARA -16	LAIN-LAIN
16.	WARGA KEMBOJA KUASAI PASARAN IKAN, UM, DALAM NEGERI -30	
17.	KUMPUL KEKAYAAN, BELI TANAH HASIL TERNAK IKAN DALAM SANGKAR, UM, DALAM NEGERI -30	
18.	PEKEBUN SAYUR RUGI RM1 JUTA SEHARI AKIBAT KURANG PEKERJA, BH, MUKA DEPAN	
19.	ISU PEKERJA BELENGGU PEKEBUN SAYUR DI CAMERON HIGHLANDS, BH, NASIONAL -3	
20.	INDUSTRI MAKANAN NEGARA BERDEPAN SITUASI KRITIKAL, BH, NASIONAL -3	
21.	LADANG ROCK MELON UPM DEDAH ILMU TANI, KOSMO, K2 -30	
22.	ANUGERAH ISTIMEWA NELAYAN BUTA, HM, LOKAL - 8-9	
23.	SISTEM KESAN DAGING HALAL IMPORT SIAP 2024, SH, NASIONAL -H3	
24.	PASUKAN KHAS JIHAD TEKAD KAWAL INFLASI-ANUAR, SH, NASIONAL -18	
25.	PERAK BANTU PENTERNAK AYAM DAGING, HARAKAH, PERIKATAN NASIONAL -H14	
	PERTAHANAN STATUS NEGERI PERTANIAN, HARAKAH, KELANTAN -H13	
	FESTIVAL LURING DURIAN FANS TO KL, STARMETRO, EVENTS -5	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2022	ASTRO AWANI	ONLINE	

Empat dimensi utama jadi ukuran pastikan sekuriti makanan berterusan



Ronald berkata dimensi itu adalah ketersediaan, kebolehcapaian penggunaan, kestabilan dan kemampuan makanan. - Gambar/Bernama

KOTA KINABALU: Empat dimensi utama akan menjadi ukuran dalam memastikan sekuriti makanan negara mampu bertahan dalam jangka masa yang lama.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiandee berkata dimensi itu adalah ketersediaan, akses, keselamatan

makanan dan nutrisi, sumber semula jadi dan kemampuan.

"Usaha untuk menangani sekuriti makanan merupakan satu usaha yang berterusan dan kita harus mempunyai kemampuan mengeluarkan keperluan makanan di negara ini.

"Kita cuma mengimport barang-barang yang tidak dikeluarkan (atau tidak mencukupi) di negara, sebab itu pelbagai usaha dijalankan oleh kementerian serta agensi untuk meningkatkan tahap sara diri pengeluaran produk makanan di negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Street Attack Pameran Pertanian, Holtikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 zon Sabah di Tamu Jalan Gaya di sini hari ini.

Ronald berkata antara usaha berterusan yang dilaksanakan kementerian ketika ini termasuk mengurangkan kebergantungan sebanyak 30 peratus import beras dari luar negara.

Beliau berkata bekalan makanan di negara ini adalah stabil dan pelbagai usaha juga turut dijalankan melalui Dasar Agromakanan Negara 2.0 untuk menentukan ketersediaan makanan untuk rakyat di negara ini.

Dalam pada itu, Ronald berkata sebanyak 1,500 gerai pameran turut disediakan selain ruang perniagaan, ladang dan produk-produk usahawan dari setiap negeri dalam MAHA 2022 yang akan diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.

Katanya MAHA 2022 merupakan platform untuk peniaga bertemu peniaga dan peniaga bertemu pelanggan malah mampu menjana pendapatan usahawan yang terlibat dalam program yang akan berlangsung selama 11 hari bermula 4 Ogos depan.

Di samping itu, MAHA 2022 juga memberi penekanan kepada acara perdagangan dan perniagaan bagi menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat swasta dalam dan luar negara.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	8

4 dimensi jadi ukuran jamin sekuriti makanan

Kota Kinabalu: Empat dimensi utama akan menjadi ukuran dalam memastikan sekuriti makanan negara mampu bertahan dalam jangka masa yang lama.

Menyatakan hal ini Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata ia merangkumi ketersediaan, kebolehcapaian penggunaan, kestabilan dan kemampuan makanan.

"Usaha menangani sekuriti makanan adalah usaha yang berterusan dan kita harus mempunyai kemampuan mengeluarkan keperluan makanan di negara ini.

"Kita cuma mengimport barang tidak dikeluarkan (atau tidak mencukupi) di negara, sebab itu pelbagai usaha dijalankan oleh kementerian serta agensi untuk meningkatkan tahap sara diri pengeluaran produk makanan di negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program Street Attack Pameran Pertanian, Holtikultur dan Agroperalancongan Malaysia (MAHA) 2022 zon Sabah di sini, semalam.

Ronald berkata, antara usaha berterusan dilaksanakan kementerian ketika ini, termasuk mengurangkan kebergantungan 30 peratus import beras.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	18

4 dimensi utama sekuriti makanan

FOTO: BERNAMA

Bagi memastikan ia mampu bertahan dalam jangka masa yang lama

KOTA KINABALU

Empat dimensi utama akan menjadi ukuran dalam memastikan sekuriti makanan negara mampu bertahan dalam jangka masa yang lama.

Menyatakan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, dimensi itu adalah ketersediaan, keselamatan makanan dan nutrisi, sumber semula jadi serta kemampuan.

"Langkah untuk menangani sekuriti makanan merupakan satu usaha yang berterusan dan kita harus mempunyai kemampuan mengeluarkan keperluan makanan di negara ini."

"Kita cuma mengimport barang-barang yang tidak dikeluarkan (atau tidak mencukupi) dan sebab itu pelbagai usaha dijalankan oleh kementerian serta agensi untuk meningkatkan tahap sara diri pengeluaran produk makanan di negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Street Attack Pameran Pertanian, Holtikultur



Ronald (dua, kiri) melancarkan program promosi dan publisiti MAHA edisi 2022 di Tamu Gaya, Kota Kinabalu pada Ahad.

dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 zon Sabah di Tamu Jalan Gaya di sini pada Ahad.

Menurut Ronald, antara usaha berterusan yang dilaksanakan kementerian ketika ini termasuk mengurangkan kebergantungan sebanyak 30 peratus import beras dari luar negara.

Tambah beliau, bekalan makanan di negara ini adalah stabil dan pelbagai usaha juga turut dijalankan melalui Dasar Agromakanan Negara 2.0 untuk menentukan ketersediaan makanan untuk rakyat di negara ini.

Dalam pada itu, Ronald memberitahu, sebanyak 1,500 gerai pameran turut disediakan

selain ruang perniagaan, ladang dan produk usahawan dari setiap negeri dalam MAHA 2022 yang akan diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor.

Jelas beliau, MAHA 2022 merupakan platform untuk peniaga bertemu peniaga dan peniaga bertemu pelanggan malah mampu menjana pendapatan usahawan yang terlibat dalam program yang akan berlangsung selama 11 hari bermula 4 Ogos ini.

Di samping itu, MAHA 2022 juga memberi penekanan kepada acara perdagangan dan perniagaan bagi menggalakkan penyertaan syarikat swasta dalam dan luar negara. - Bernama

Four focus points to ensure food security

KOTA KINABALU: Four main dimensions will help ensure national food security can be assured for a long time, said Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said the dimensions are availability, consumer reach, food stability and sustainability.

“Efforts to maintain food security is a continuous process, and we have the capability to produce the food our country needs.

“We only need to import products we don’t produce (or those that are insufficient).

“This is why ministries and agencies are using various methods to boost the level of self-sustainability of food products,” he said after officiating at the Street Attack programme yesterday.

Ronald said one such ongoing effort is the ministry’s attempt to reduce the country’s dependence on foreign rice imports of 30%.

He said food supply in the country is stable and various efforts under the National Agrofood Policy 2.0 are being taken to ensure the availability of food items. – Bernama

SMART Sawah tingkat pengeluaran padi

Dleh MUHAMMAD
ARIF ISMAIL

RACHOK: Kerajaan negeri merancang meningkatkan lagi pengeluaran padi dengan melaksanakan SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB). Anggota Exco Kerajaan Negeri, Tuan Mohd Sari-pudin Tuan Ismail berkata, usaha itu direalisasikan melalui kerjasama perasmian Hari Peladang, Penerokaan dan Nelayan Negeri Ke-

tanian Kemulu (KADA) dan Padibera Nasional Berhad (BERNA). Katanya, SMART SBB dijangka dapat meningkatkan lagi hasil pengeluaran padi di Kelantan.

Malah kata beliau se-

hingga sekiranya pengeluaran bersar di Kelantan melepas tahap sara diti

iaitu 208 peratus,” katanya selepas perasmian

Hari Peladang, Penerokaan

dan Nelayan Negeri Kelantan pada 2022 di Pantai Ira-

ma di sini Khamis lepas.

Selain itu, beberapa lagi produk iaitu kela-pa, diging kambing bebili-ri serta sayur-sayuran tu-nut melepas Status Kadar Saraw Diri (SSD).

Menurutnya juga ke-

rakan negen dengan ker-

jasama beberapa agen-

si merangka langkah bagi

meningkatkan lagi penge-

luaran sumbar protein

seperti ayam dan daging,

Lebih 3,300 hektar tanah terbiasa diusaha

KOTA BHARU:

Sebagaimana dilaporkan ber-pada 3,320.09 hektar daripada 4,814.70 hektar tanah terbiasa di Kelantan diusaha sepanjang ta-hun 2006 hingga 2022.

Pengensi Jawatankuasa Perraman, Industri Asas Tanah, Bioekologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan, Tuan Mohd Sari-pudin Tuan Ismail berkata, sehingga sekarang sebanyak 1,494.74 hektar tanah terbiasa yang belum difusa-hakan.

Katanya, pemuncak sebanyak RM600,000 dise-diakan di bawah program tanah terbiasa yang diungguk-kan ke setiap daerah.



Tuan Mohd Sari-pudin Tuan Ismail dan Menteri Besar terikalk melihat teknologi dan pertanian. Kata beliau peruntu-kannya Negeri Kelantan bagi mewujudkan hasrat ini.

Tuan Mohd Sari-pudin Tuan Ismail dan Menteri Besar terikalk melihat teknologi dan pertanian.

Kata beliau peruntukan

disahurkan melalui Pe-

badanan Kemajuan Per-

sekutu sebanyak RM10 juta

menurut Menteri Kehakiman bagi mewujudkan hasrat ini.

Tuan Sari-pudin ber-kata, projek yang boleh menjadi ikon pembinaan tanah terbiasa di Kelantan ialah tanaman kelapa di Gong Tengah, Semerak dan tanaman durian di Kampung Che-ker Pisang Menggala di Pasir Putih.

Menurutnya juga ke-tua kajahan diantik memperbaiki dan memantau agenda pembangunan tanah terbiasa di setiap ja-lahan.

Kata beliau Jabatan Perbarisan bersama Pe-labur tanah dan Jajahan mengenal pasti lot-lot tanah terbiasa untuk diban-gunkan.

“Sifit bagi program

tanah terbiasa sebanyak

RM20,000 per hektar ja-

batan Pertanian akan

mengenal pasti permo-

honen yang memenuhi

syarat diterapkan untuk

dilangsungkan dengan

tarannum yang sesuai.

“Skop tanaman keu-

maan diberi kepada ko-

moditi yang tersenara di

bawah Majlis Tindakan

Ekonomi Negara terma-

suk kelapa dan durian.

“Bagi tanaman kekal

digalak menanam tan-

aman seligam sememana

menunggu hasil sebagai

contoh tanaman durian

seligam tembilok,” ka-

tanya ke staf daerah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2022	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Fasiliti kesihatan Melaka masih terima bayaran tunai



Dr Muhamad Akmal Saleh
MELAKA – Melaka masih mengekalkan penggunaan bayaran secara tunai di semua fasiliti kesihatan di negeri negeri ini, selain membenarkan kaedah bayaran secara perbankan digital.

Exco Kesihatan dan Antidadah negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, kerajaan negeri

menyambut baik keputusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mengumumkan semua fasiliti KKM dijangka menerima pembayaran tanpa tunai mulai Oktober ini.

Bagaimanapun, menurutnya, Melaka masih perlu mengekalkan kaedah konvesional iaitu memberi pilihan bayaran secara tunai kerana masih terdapat golongan tertentu yang belum mahir dengan kaedah bayaran secara elektronik.

"Itu (bayaran tanpa tunai) satu cadangan yang bagus tapi di Melaka ini banyak Klinik Kesihatan (KK) yang dalam kampung, ada makcik-makcik yang yang tiada aplikasi, kad debit dan kad kredit.

"Jadi bayaran tanpa tunai ini akan menyukarkan mereka, sebab itu kita menggalakkan kaedah bayaran tanpa tunai, tapi nasih kekalkan kaedah bayaran secara tunai," katanya.



Ahmad Hamzah melepaskan ikan selepas Majlis Pelancaran Tukun Tiruan dan Mengelilingi Pulau-Pulau Taman Laut Negeri Melaka di Pulau Undan, Melaka hari ini. Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas hadir pada Majlis

Pelancaran Tukun Tiruan dan Mengelilingi Pulau-Pulau Taman Laut Negeri Melaka di Pulau Undan di sini hari ini.

Perasmian disempurnakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah. Hadir sama Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Abdul Razak Abdul Rahman.

Dalam satu pekeliling Ketua Setiausaha KKM bertarikh 21 Julai lalu menyatakan, pembayaran tanpa tunai sebagai pilihan kaedah transaksi itu ditetapkan menerusi Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia Tahun 2021 bagi peringkat Persekutuan dan negeri.

Pembayaran boleh dibuat menerusi mod e-pembayaran seperti kad debit, kad kredit dan e-dompet mulai 1 Oktober 2022, manakala pembayaran secara tunai hanya dibenarkan jika pelanggan tidak mempunyai akses sedemikian.

Ia turut dilaksanakan bagi mengelakkan berlakunya ketirisan hasil kerajaan, selaras dengan Pelan Antirasuah KKM 2021-2022. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Tiga pulau di Melaka diwarta Taman Laut Negara

Melaka: Tiga pulau di Melaka akan diwartakan sebagai Taman Laut Negara menjelang hujung tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol akan diwartakan mengikut Seksyen 41, Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

"Bagi peringkat pertama, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan meluluskan lebih RM1 juta dan ia akan membabitkan beberapa peringkat mengikut kesesuaian bagi pastikan ketiga-tiga pulau ini akan menjadi kawasan perlindungan *Marine Protected Area (MPA)*," katanya pada sidang media Program Melabuh Tukun Tiruan Konkrit di perairan Pulau Nangka, yang turut dihadiri Ketua Pengarah Perikanan, Mohd Sufian Sulaiman di Pulau Undan, semalam.

Beliau berkata, selepas diwartakan kelak ia akan memberi impak bukan saja dapat melindungi habitat di kawasan itu, malah mampu menambah tahap sara diri (SSL) perikanan negeri.

"Habitat yang kita wujudkan bukan hanya untuk hasil di kawasan itu, tetapi turut melimpah ke kawasan sekitar maknanya sumber perikanan akan terus bertambah."

"Di Melaka, SSL perikanan hanya kira-kira 24 peratus dan kita yakin usaha ini akan meningkatkan lagi kadar itu," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, pihaknya yakin usaha merawatkan Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol sebagai Taman Laut Negara akan menjadi produk pelancongan terkenal negari ini.

"Perairan tiga pulau ini dikenal pasti mempunyai terumbu karang luar biasa dan mampu menarik ramai pelancong," katanya.

Ia akan memberi impak bukan saja dapat melindungi habitat di kawasan itu, malah mampu menambah tahap sara diri (SSL) perikanan negeri



Ahmad Hamzah,
Timbalan Menteri
Pertanian dan
Industri Makanan

Tiga pulau di Melaka diisythihar Taman Laut

MELAKA – Proses pewartaan tiga pulau premium Melaka iaitu Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol sebagai Taman Laut Negara kini di peringkat akhir dan dijangka diisythiharkan selewat-lewatnya hujung tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, cadangan tersebut telah pun diluluskan di peringkat kerajaan negeri dan sedang diperhalusi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Ujarnya, sehingga kini ke menteriannya telah menge-

luarkan peruntukan sejumlah RM1 juta dalam usaha merealisasikan pewartaan itu merangkumi projek melabuhkan tukun-tukun tiruan konservasi di kawasan pulau.

“Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol ini sebenarnya kaya dengan habitat dan mempunyai satu khazanah tersendiri iaitu terumbu karang yang unik di peringkat antarabangsa.

Mengulas lanjut mengenai pewartaan beliau berkata, ketiga-tiga pulau itu akan dilindungi di bawah Seksyen 41, Akta Perikanan 1985 (Akta 317).



SEBANYAK sembilan tukun tiruan diturun di Pulau Nangka, Melaka semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2022	HARIAN METRO	LOKAL	18



Tiga pulau tunggu kelulusan diisytihar Taman Laut Negara

Melaka: Tiga pulau di Melaka bakal diwartakan sebagai Taman Laut Negara, menjelang hujung tahun ini.

"Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makaraman 1 (Mafi), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, tiga pulau itu iaitu Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol di-

wartakan dibawah Seksyen 41, Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

Katanya, pewartaan ketiga-tiga pulau itu kira-kira satu nautika membutkan jumlah lebih RM1 juta.

"Permohonan pewartaan kini di peringkat kerajaan Persekutuan selepas permonahan itu diluluskan di peringkat kerajaan negeri dan sebelum akhir tahun ini kita laksanakannya.

"Bagi peringkat pertama,

Kementerian Pertanian meluluskan lebih RM1 juta dan membabitkan beberapa peringkat mengikut kesesuaian bagi pastikan ketiga-tiga pulau ini menjadi kawasan perlindungan *Marine Protected Area (MPA)*," katanya.

Beliau berkata, pihaknya pada Program Melabuh Tukun Tiruan Konkrit di Perairan Pulau Nangka, yang turut dihadiri Ketua Pengarah Perikanan Malaysia Mohd Sufian Sulaiman di Pulau Undan, semalam.

Menurutnya, selepas diwartakan kelak ia memberi impak bukan sahaja dapat melindungi habitat di kawasan itu malah mampu menambah tahap sara diri (SSL) perikanan negeri.

"Habitat yang kita wujudkan bukan hanya untuk hasil di kawasan itu tetapi turut

melibatkan ke kawasan sekitar dan sumber perikanan terus bertambah.

"Di Melaka SSL perikanan hanya 24 peratus dan kita yakin usaha ini meningkatkan lagi bilangan SSL perikanan," katanya.

Ahmad berkata, pihaknya yakin usaha newartakan Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol sebagai Taman Laut Negara menjadi produk pelancongan terkena negeri ini.

"Perairan ketiga-tiga pulau dikenal pasti mempunyai terumbu karang luar biasa dan mampu menarik ramai pelancong," katanya.

Sementara itu, beliau ber-

kata, RM200,000 diperuntukkan untuk sembilan unit Tukun Tiruan Konservasi

yang dibabulkan di kawasan

Taman Laut Pulau Nangka.

PROSES metabolismukun tiruan konkrit di perairan Pulau Nangka. Gambar - NSTP/NUR ALIAWATI SABRI



Proses mewartakan tiga pulau di Melaka sebagai Taman Laut di peringkat akhir

MELAKA - Tiga pulau di Melaka yang dicadang untuk diwartakan sebagai Taman Laut kini di peringkat akhir proses pewartaan dan dijangka selesai akhir tahun ini, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makaman I, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Beliau berkata, proses perwartaan Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodo mengikut Seksyen 41 Akta Perikanan 1985 (Akta 317) telah dibawa ke peringkat Persekutuan selepas perkara itu mendapat kelulusan kerajaan negeri baru-baru ini.

"Pewartaan tiga Taman Laut Melaka ini agak meng-

ambil masa kerana ia melibatkan pelbagai proses dan undang-undang yang perlu dilalui namun kini sudah berada di peringkat akhir.

"Pewartaan ini penting untuk menjamin kelestarian sumber perikanan dan kepelbagaian biodiversiti marin di sekitar kawasan tersebut selain menjadikan Taman Laut Melaka sebagai kawasan perlindungan khas flora dan fauna akuatik," katanya kepada pemberita selepas Program Melabuhkan Tukun Tiruan Konkrit

di Perairan Pulau Nangka di sini pada Ahad.

Ahmad berkata, selain itu, tiga Taman Laut Melaka berkenaan berpotensi menjadi produk pelancongan baharu untuk negara itu memandangkan pulau berkenaan memiliki lebih 150 spesies terumbu karang dan terumbu karang dan Nangka.

AHMAD

melaksanakan pelbagai projek infrastruktur dan pemeliharaan ekosistem antaranya Pemasangan boyai di Pulau Undan dan pembinaan jeti terapung di Pulau Nangka.

"Selain itu, sebanyak 66 tukun tiruan konservasi bernilai RM1.2 juta dilabuhkan di perairan Pulau Besar dan Pulau Nangka sejak tahun 2008 dengan sembilan daripadanya dilabuhkan hari ini (Ahad) di Pulau Nangka.

"Tukun tiruan berkenaan dilabuhkan ke dasar laut untuk menambah kepadatan sumber perikanan setempat kerana dalam tempoh tertentu, tukun berkenaan akan berubah menjadi

habitat yang sesuai untuk perlindungan dan pembibitan pelbagai jenis flora dan fauna marin," jelasnya.

Beliau berkata, selain itu,

sebanyak 23 rak propagansi

karang juga telah dilabuhkan

di Pulau Undan dan Jabatan Perikanan turut mengadakan aktiviti pelepasan ikan te-

rumbu karang bagi me-

nambah lagi stok ikan marin

di perairan Melaka.

Katanya, antara spesies

ikan marin yang dilepaskan

adalah Red Ocellaris, Sargent Major, Six Line Barred

Angelfish, Maroon Clownfish

dan Tomato Clownfish. - Bernama

CORAL BUILDING BLOCKS ... Deputy Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Ahmad Hamzah (third from right) sinking an artificial reef in the waters off Pulau Nangka, Malacca yesterday. The concrete structure will become a habitat for various types of marine life and increase the density of local fishing resources. — **BERNAMAPIX**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2022	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	36

Pesawah teruja cuba benih padi IS21

MACHANG - Pesawah Pertubuhan Peladang Kawasan Machang di sini teruja untuk mencuba benih padi IS21 iaitu varieti baharu yang diperkenalkan di negeri ini.

Benih padi IS21 mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem dan tahan rintang terhadap beberapa penyakit yang merugikan pesawah.

Benih berkenaan dikeluarkan hasil penyelidikan dan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Pesawah, Zulkifli Awang, 43, mengakui bertuah kerana terpilih mencuba benih padi jenis baharu itu dan mahu meningkatkan hasil berbanding sebelum ini.

Zulkifli yang mengusahakan 140 hektar sawah di bendang Kampung Bukit Tiu sebelum ini menanam padi jenis CL220.

"Saya dimaklumkan buah padi varieti IS21 lebih berat dan mampu memberikan pulangan yang baik," katanya ketika ditemui pada Majlis Simbolik Penyerahan Benih Padi IS21 Kepada Pesawah Pertubuhan Peladang Kawasan Machang di Kampung Bukit Tiu, di sini pada Ahad.

Benih padi disampaikan Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains) MOSTI, Dr K Nagulendran.

Hadir sama, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Dr Abdul Rahim Harun dan Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Lembaga Pertubuhan Peladang, Nik Mohd Shaharil Nik Md Hashim.



ZULKIFLI

Agrobank bantu Intercon harungi waktu sukar pandemik COVID-19

Oleh JUANI MUNIR
ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: 'Bersusah-susah dahulu, bersenang senang kemudian. Mungkin peribahasa ini cuba digarapkan oleh seorang pengarah syarikat yang bertapak dalam dunia pasaran produk makanan apabila belau mengakul menerima pelbagai rintangan.'

Menurut Pengarah Intercon Sdn. Bhd., Rafiq Moosa, tida istilah 'undur semula' dalam pembiagaan meskipun syarikat itu diusahanya baharu setahun jagung apabila terpaksa berhadapan pandemik COVID-19 selepas beberapa bulan memulakan pembiagaan itu.

Menceritakan lebih lanjut, Rafiq berkata, belau memulakan pembiagaan mengimport dan memasarkan makanan pada 2019 setelah 30 tahun bersara daripada sebuah syarikat ternama kerana mahu mengusahakan satu bentuk pembiagaan di atas titik peluh dirinya sendiri.

"Justeru, selepas bersaaya mengambil langkah buka syarikat Intercon yang merupakan sebuah syarikat yang memasarkan makanan dari dalam dan luar negara kepada semua pasar raya-pasar raya seluruh negara."

"Berbekalkan modal pembiagaan dengan hasil simpanan berjumlah RM400,000 akhirnya pembiagaan ini berjaya ditubuhkan sehingga kini. Boleh dikatakan kita berjaya memenuhi pasaran walaupun masih kecil dalam industri pasaran makanan," katanya yang membuka temubual di pejabatnya di Damansara Jaya di sini baru-baru ini.

Antara produk dan jenama dihasil Intercon adalah nugget, sosej, mentega, air minuman dan bahan sejuk.

Namun begitu, Rafiq berkata, setelah setahun pihaknya pulak berhadapan pandemik COVID-19 yang menyaksikannya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada awal 2020 sekali gus menyebabkan pembiagaan terjejas kerana halangan dan sekatan pergerakan rakyat.

Katanya, meskipun sebelum itu belau berhadapan masalah aliran tunai dan kini timbul PKP, akhirnya menambah lagi halangan dan kesukaran untuk mempertahankan pembiagaan yang baharu usia setahun jagung.

"Namun tiada istilah patuh semula dalam diri saya," katanya.

Rafiq berkata, belau cuba mengakalkan pembiagaan itu dengan mencari jalan baharu untuk



AGRO BANK
Dasar Agromakanan Negara merangkumi 4 bidang tumpuan strategik kami iaitu Pembangunan Pertanian Secara Mampan, Fokus Pelanggan yang Inklusif, Model Perniagaan yang Transformatif dan Keadaan Kewangan yang Lestari."

TENGKU AHMAD BADLI SHAH RAJA HUSSIN PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF AGROBANK

mempertahankan pembiagaan tersebut dengan memperluaskan pasaran pembiagaan di seluruh negara supaya terus mendapat permintaan dalam kalangan pelanggan yang rata-rata terdiri daripada pasar raya kecil dan besar.

Beliau bersyukur dengan dimulakan dengan modal kecil RM400,000 di samping sokongan empat kakitangan sahaja, kini pembiagaannya itu berjaya dan kini mempunyai 45 kakitangan di seluruh negara di samping kini mempunyai aset jutaan ringgit.

"Malah tahuhan pertama pulangan pendapatan hanya ratusan ribu dan kini lebih tujuh angka atau jutaan ringgit," katanya.

Beliau meriambah 2 masalah yang dihadapinya adalah aliran tunai dan margin pembiagaan apabila setiap hari sentiasa memiliki agar situasi itu dapat diatas segera demi kemampuan sesebuah pembiagaan.

"Itu lumrah dan boleh dikatakan situasi bakal dialami oleh setiap pembiagaan," ujarnya.

Namun Rafiq memberitahu, belau bernasib baik apabila Agrobank telah banyak membantunya dengan menyediakan pembayaran untuk

menampung aliran tunai sekali gus berjaya mengakalkan pembiagaan sehingga kini.

"Ketika saya mula pembiagaan, tiada bank atau institusi kewangan yang terima kami untuk memberikan pembayaran, hanya Agrobank yang satu-satunya sudi menerima dan meluluskan pembayaran," katanya.

Dalam pada itu, Rafiq memaklumkan, pihaknya mempunyai pelan jangka untuk mengembangkan pembiagaan itu dan bukan sahaja meningkatkan jumlah pelanggan tetapi juga satu modul pembiagaan baharu yang boleh mengukuhkan penawaran.

Justeru, belau merancang membuka sebuah kilang pada masa depan dalam usaha untuk merampung pembiagaan khususnya menghasilkan makanan sejak baru seperti sosej, kentang dan nugget agar dapat dipasarkan di pasaran tempatan.

"Kami mahu kapasiti yang lebih banyak untuk tumpung permintaan. Untuk makluman, ketika pandemik COVID-19, kami terima permintaan lebih 100 peratus, tetapi masalahnya kita berhadapan kelangan untuk tumpung permintaan."



Pengarah Intercon Sdn Bhd, Rafiq Moosa bersama produk keluaran syarikatnya. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

"Jadi pengajaran di sini adalah, kami perlu satu kapasiti untuk menghasilkan lebih banyak makanan agar dapat memenuhi permintaan pelanggan," katanya.

Beliau melahirkkan rasa syukur kerana Agrobank bukan sahaja menyediakan pembiayaan tetapi moratorium pinjaman selama 6 bulan termasuk kepada para peniaga yang dapat akhirnya memberikan aliran tunai untuk mengekalkan pembiagaan.

"Seperti saya sebut tadi, aliran tunai itu amat penting dalam satu-satu pembiagaan. Tanpa mungkin kita berhadapan kesukaran untuk mengekalkan pembiagaan sehingga ke hari ini," katanya.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan Paket Pemulih yang melibatkan pembiayaan khas bagi pemuliharan pembiagaan atau projek serta penyusunan semula bayaran pembiayaan sedia ada pelanggan.

Mengulas peranan yang dimainkan oleh Agrobank dalam merancakkan sektor agromakanan negara, Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, "Kami di Agrobank mempunyai peranan unik sebagai salah satu daripada enam Institusi Kewangan Pembangunan di Malaysia dalam menyediakan produk dan khidmat perbankan yang di kenali dengan "Melangkuai Perbankan" kepada pelanggan kami untuk merancakkan lagi kegiatan ekonomi dalam sektor pertanian dan agromakanan."

Agrobank sebagai sebuah institusi kewangan pembangunan yang menyediakan perkhidmatan

kewangan dan perbankan berorientasikan sektor pertanian dan industri makanan, telah mengambil langkah proaktif dan menyeluruh bagi menyediakan kemudahan kewangan kepada komuniti usahawan mikro.

"Kami di Agrobank juga akan terus memastikan pembangunan sektor pertanian dan agromakanan negara akan terus kekal terjamin. Justeru itu, melihat keadaan dan keperluan semasa terutamanya ketika negara berdepan pandemik COVID-19, Agrobank mendapati, perlu ada satu pelan strategik yang dapat terus membantu dan membangunkan para petani, pembekal makanan, perternak dan peladang di negara – untuk berdepan apa jua krisis yang bakal dihadapi negara pada masa hadapan bagi menjamin bekalan makanan negara dalam jangka masa panjang," tambah beliau.

"Agrobank juga telah merangka Pelan Perniagaan Strategik (SPS) 2021-2025 terbaru kami untuk menyokong pembangunan strategik jangka panjang MAFI bagi sektor agromakanan seperti yang ditetapkan oleh Dasar Agromakanan Negara merangkumi 4 bidang tumpuan strategik kami iaitu Pembangunan Pertanian Secara Mampan, Fokus Pelanggan yang Inklusif, Model Perniagaan yang Transformatif dan Keadaan Kewangan yang Lestari.

Ia terutamanya yang terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi terutamanya sektor pertanian berdasarkan makanan bagi mengharungi cabaran ekonomi pasca COVID-19.

Pekebun sayur raih pendapatan RM180,000 semusim

MERSING – Meskipun hanya belajar setakat darjah dua, seorang lelaki yang menetap di Felda Nitar 2 di sini, kini mampu meraih pendapatan besar sehingga mencecah RM180,000 semusim.

Pendapatan kasar yang diperoleh Hairin Adam, 50, itu hasil penglibatannya dalam penanaman pelbagai jenis sayur termasuk kacang panjang, timun, bendi, lada dan serai.

Katanya, dia sebelum ini bekerja sebagai pemandu lori dan mula mencebur ke bidang pertanian sejak lima tahun lalu.

“Saya hanya belajar sampai darjah dua memandangkan keluarga bukan dari orang yang senang. Ketika usia 10 tahun sehingga 16 tahun, saya sudah bekerja di kebun sayur.

“Kini, saya mengusahakan pelbagai jenis sayuran di tanah seluas setengah hektar. Bagi kacang panjang, saya mampu kurip hasil sehingga 15 tan semusim. Timun pula setingga 10 tan dan bendi sekitar 10 tan.

“Anggaran kasar yang diperoleh hasil penjualan sayur-

“Selepas itu, saya tukar kepada tanaman sayur kerana Kawasan ini sering menjadi ancaman serangan gajah. Saya amat bersyukur kerana Pejabat Pertanian dan Pertubuhan Pelabuhan Kawasan (PPK) banyak membantu tanpa bertanya stijil persekolahan saya.

“Jika mereka mahu melihat kejayaan akademik, sudah tentu saya tidak layak mendapat bantuan,” katanya.

Berterita lanjut, Hairin mengaku dia pernah mengalami kerugian sebanyak RM80,000 akibat kejadian banjir menyebabkan banyak pokok yang telah mengeluarkan hasil musnah.

“Sekarang saya sudah faham dengan situasi semasa terutama bila musim hujan dan banjir, jadi kami akan aturkan jadual tanaman agar kerugian dapat dielakkan.

“Tidak dinafikan, saya lebih seronok bekerja di kebun berbanding kerja makan gaji. Satu kepuasan bila dapat lihat hasil tanaman kita tumbuh dengan cantik dan subur,” ujarnya.



HAIRIN (kiri) bersama anaknya, Johan menunjukkan tanaman kacang panjang yang diperoleh untuk dijual kepada pemborong di kebunnya di Jalan Besar Tanah Abang, Mersing baru-baru ini.

sayuran ini mampu mencapai RM180,000 semusim,” katanya ketika ditemui di kebunnya di Jalan Besar Tanah Abang, di sini baru-baru ini.

Memurutnya, dia mengelarkan modal kira-kira RM20000 untuk membangunkan kebun berkenaan yang dimulakan dengan tanaman pisang.

Katanya, kesemua tanaman itu diusahakan bersama anak sulungnya, Johan Iskandar, 25, serta dua orang saudara selain dibantu seramai empat pekerja.

Warga Kemboja kuasai pasaran ikan

Oleh SAYED HESHAM IDRIS

utusannews@mediamula.com.my

PARIT: Perniagaan ikan dalam sangkar Sungai Perak sekitar daerah Perak Tengah terutama di Parit, tertekan dengan kehadiran semakin ramai warga asing dari Kemboja yang menternak dan menguasai pasaran ikan air tawar daerah ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang penternak ikan yang enggan namanya disiarkan berkata, warga Kemboja yang tinggal menyewa rumah penduduk di beberapa buah kampung di sini, mengusahakan ternakan ikan sangkar seperti patin, tilapia dan baung.

Katanya, kegiatan itu sebenarnya sudah lama bermula namun penguasaan mereka kian ketara sejak kebelakangan ini apabila semakin ramai warga Kemboja tinggal di situ.

Katanya, penternak warga Kemboja berupaya menawarkan harga ikan lebih rendah kerana dapat menjimatkan kos disebabkan operasi yang tidak mengikut syarat ditetapkan dengan cara memberi ikan makan perut ayam berbanding penternak tempatan menggunakan pallet.

"Penggunaan perut ayam se-



SANGKAR ternakan ikan yang dilakukan warga Kemboja di Sungai Perak ketika tinjauan di Parit, baru-baru ini. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

bagai makanan ikan membolehkan mereka jimatkan kos, tetapi ini menyebabkan pencemaran sungai dan bau yang busuk.

"Dengan cara itu, mereka boleh menjual ikan pada harga rendah contohnya ikan patin

RM15 sekilogram oleh penternak tempatan tapi mereka jual serendah RM11 sekilogram.

"Malah mereka pernah 'pancing' pelanggan saya dari Temerloh kerana menawarkan harga ikan yang lebih rendah

berbanding yang saya tawarkan," katanya.

Menurutnya, warga Kemboja tinggal di beberapa buah kampung di sini dan menjalankan ternakan ikan sangkar antara-nya di Kampung Bidara, Bukit

Chupak, Padang Kangar, Tan-jung Dedalu, Sadang, Kampung Selbob, Kampung Tengah malah hingga di Kampung Mandah di Daerah Kuala Kangsar.

Katanya, mereka menguasai pasaran ikan di pasar-pasar daerah ini termasuk di Parit, Seri Iskandar, Bota dan hingga ke Hulu Perak.

Katanya, kehadiran warga Kemboja semakin bertambah sejak kebelakangan ini dan kian ghaibah mencari kekayaan dengan menternak ikan sangkar.

Jelasnya, mereka menyewa rumah penduduk kampung di tepi sungai dan memujuk pemilik tanah untuk membenarkan mereka mengusahakan ternakan ikan sangkar di sungai.

"Pada awalnya mereka datang tidak ramai dan mengusahakan ternakan ikan sangkar. Apabila keadaan aman danai, maksudnya tiada sebarang operasi pihak berkuasa terhadap mereka sebagai rakyat asing, mereka mengajak saudara mara dan rakan-rakan di kampung mereka di Kemboja untuk bekerja dengan mereka.

"Mereka yang datang ini masuk ke negara ini sebagai pelancong, bukan sebagai pekerja," katanya.

Kumpul kekayaan, beli tanah hasil ternak ikan dalam sangkar

PARIT: Selain menguasai pasaran ikan air tawar di Perak Tengah, penduduk tempatan bimbang warga Kemboja mengambil kesempatan membeli tanah penduduk kerana mereka mempunyai wang yang banyak hasil ternakan ikan di Sungai Perak.

Seorang penduduk tempatan yang enggan namanya disiarkan berkata, tidak diketahui secara jelas sama ada terdapat tanah penduduk yang telah dibeli oleh warga Kemboja namun apa yang menjadi kemungkinan adalah, ada warga Kemboja di sini yang dilihat membina rumah.

Katanya, jika tanah yang diduduki mereka tidak dibeli atau hanya menyewa, bagaimana warga asing itu boleh membina rumah.

"Memang ada orang berasal dari Kemboja yang mempunyai"

kad pengenalan setelah berkahwin dengan rakyat tempatan dan membeli tanah serta membangun rumah hasil daripada ternakan ikan sangkar yang mereka jalankan.

"Namun ada juga warga Kemboja di sini yang apabila ditanya, mereka kata mereka cuma menyewa rumah penduduk tetapi saya lihat mereka membangun rumah baharu. Malahan siap di pasang pagar lagi. Jika cuma menyewa mengapa hendak bina rumah?

"Inilah yang membimbangkan kami yang jika dibiarakan mungkin ada tanah dibeli oleh orang asing kerana mereka banyak duft basah pekerjaan menternak ikan sangkar, boleh beli apa saja," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, diakui warga Kemboja mempunyai wang

yang banyak hasil daripada aktiviti ternakan ikan sangkar selain menjual sayur kepada penduduk di kampung-kampung menaiki motosikal.

Katanya, dengan kemampuan kewangan yang mereka miliki, mereka boleh membeli tanah lebih tinggi daripada yang ditawarkan oleh penduduk tempatan.

"Sudah ada mereka yang asalnya warga Kemboja namun mempunyai kad pengenalan membeli tanah dan membina rumah besar. Mereka juga mampu membeli kereta secara tunai, juga memiliki lori untuk menghantar ikan kepada pembeli," katanya.

Menurutnya, kehadiran warga Kemboja di sini tidak seperti warga asing yang lain seperti warga Indonesia yang datang hanya untuk bekerja.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2022	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	

Pekebun sayur rugi RM1 juta sehari akibat kurang pekerja

Oleh Ihab Hafiz Ariz dan Muhammad Zalsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Cameron Highlands yang menjadi pembekal utama sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bungaan seger negara kini hanya beroperasi pada kapasiti 40 peratus disebabkan kekurangan tenaga kerja.



Sebelum pandemik COVID-19 pada 2020, Cameron Highlands yang juga antara pusat peranginan utama negara menghasilkan 1,100 tan sayur-sayuran sehari untuk pasaran tempatan dan ekspor, namun pengeluarannya kini terjejas teruk.

Keadaan itu bukan sahaja menyebabkan harga sayur-sayuran di pasaran meningkat mendadak sejak beberapa bulan lalu, malah lebih teruk berisiko mengganggu rantai supPLY makanan negara khususnya sa-

yur-sayuran.

Pekebun sayur di tanah tinggi itu yang terkesan teruk ketika pandemik COVID-19 apabila penjualan merosot sehingga 70 peratus disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kini terus dihimpit dengan masalah kekurangan tenaga kerja, khususnya pekerja warga asing.

Situasi ini diburukkan lagi dengan penangguhan kemaskuhan tenaga kerja asing serta sikap pekerja tempatan sendiri yang akhirnya memaksa peke-

bun sayur mengehadkan sebahagian besar operasi mereka.

Kenaikan kos input pertanian seperti bahan turut menyumbang kepada kos operasi, sekali gus menyebabkan harga sayur di pasaran meningkat.

Akibatnya pekebun sayur terbabit dianggar mengalami kerugian lebih RM1 juta sehari sele-

pas ladang sayur komersial mereka yang sepertinya membekalkan bekalan ke pasaran tempatan tidak dapat beroperasi sepenuhnya.

Nasional 3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	3

Isu pekerja belenggu pekebun sayur di Cameron Highlands

Kawasan kebun dipenuhi semak, rumput serta pengeluaran terjejas teruk

Oleh: Mohamad Zulqarnain Sadi
bhnews@bh.com.my

Cameron Highlands: Bumbung rumah hijau yang koyak tanpa pembaikan, selain kawasan kebun dipenuhi semak dan rumput menunjukkan isu kekurangan pekerja yang dihadapi pekebun sayur di kawasan tanah tinggi itu sememangnya serius.

Pengusaha kebun sayur yang ditemui BH juga mendakwa isu pekerja turut menjadikan operasi kebun mereka sehingga terpaksa membiarkan sebahagian tanah kosong.

Pengusaha kebun, Nadri Othman, 60, berkata isu kekurangan pekerja benar-benar menjadikan operasi di kebun miliknya di Tanah Rata, membabitkan kawasan seluas 4.45 hektar.

Nadri berkata, sekitar 30 peratus daripada kawasan kebun sayurnya tidak dapat diusahakan ketika ini kerana isu berkenaan.

Mengulas lanjut, katanya, se-

Eksklusif

belum ini beliau mengupah lebih 20 pekerja warga asing untuk menguruskan pelbagai tugas di kebun miliknya, namun kini hanya tinggal lima pekerja dan keadaan itu sangat menjadikan apabila hasil kebun berkurangan hampir 50 peratus.

"Kalaupun dilukutkan sebelum ini, satu ekar (0.4 hektar) tanah kebun diuruskan dua pekerja, namun sekarang dengan jumlah lima pekerja yang tinggal saya perlugilirkan tugas mereka di dua kebun yang saya usahakan, iaitu di Tanah Rata berkeluasan dua ekar (0.81 hektar) dan sembilan ekar (3.64 hektar) lagi di Lembah Ber-

"Lima pekerja sememangnya tidak cukup mengusahakan tanah seluas 11 ekar (4.45 hektar).

"Kalau sebelum ini saya mampu mengeluarkan hasil lebih sembilan tan sayur dalam seminggu, namun kini jumlah itu berkurangan mendadak apabila hanya kira-kira tiga hingga lima tan sayuran mampu dihasilkan seminggu disebabkan kekurangan pekerja," katanya ketika ditemui di kebunnya di Tanah Rata.



Nadri menunjukkan sebahagian kawasan kebun sayur miliknya yang tidak dapat diusahakan akibat kekurangan pekerja.

(Foto: L Manimaran/BH)

Nadri yang mengusahakan tanaman kubis, selain tomat fertigasi, timun, sayur daun, sawi panjang dan kailan, berkata belum pernah mengambil langkah alternatif dengan menggajiikan pekerja Orang Asli, namun ia tidak menyelesaikan masalah.

"Orang Asli lebih gemar tinggal di kampung halaman masing-masing berbanding penempahan di sediakan, ini menyukarkan ke-

adaan. Jika suka bekerja mereka datang dan jika tidak suka mereka tidak datang," katanya.

Keseluruhan keluasan kebun sayur di Cameron Highlands mencapai sekitar 4,000 hektar yang diusahakan lebih 2,000 pengguna-

Cameron Highlands membe-

luan sayur-sayuran negara dengan kebanyakannya dari Kampung Raja, Kuala Terla dan Sungai Ikan, manakala baki dari Lembah Bertam dan Ringlet, selain Tringkap.

Selain Cameron Highlands, kawasan lain yang menjadi pembekal utama sayur-sayuran negara adalah dari Lojing, Kelantan membabitkan kawasan seluas 1,000 hektar.

Industri makanan negara berdepan situasi kritikal

Dari Muka 1

Setiausaha Agung Persekutuan dan Persatuan Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mon, berkata industri makanan negara ketika ini berdepan situasi kritikal disebabkan isu pekerja untuk menampung operasi pengeluaran sayur tempatan.

Katanya, di Cameron Highlands, jumlah pekerja warga asing dalam sektor penanaman sayur di kawasan ini cukup ketara apabila berkurangan daripada lebih 25,000 sebelum pandemik melanda, kepada kira-kira 10,000 sahaja ketika ini.

"Disebabkan kekurangan pekerja, banyak ladang tidak beroperasi sepenuhnya... Jika ladang dikerjakan juga, kerugian lebih besar akan ditanggung pekebun. Apabila ini berlaku, pengeluaran sayur amat terjejas dan situasi ini dapat dilihat dalam pasaran tempatan hari ini," katanya kepada BH.

Mengulas isu sama, Pengurus Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid, mengakui masalah kekurangan pekerja menyebabkan pengeluaran pelbagai jenis sayur-sayuran dari Cameron Highlands berkurangan melebihi 50 peratus.

Katanya, jumlah pekerja warga asing dalam sektor penanaman sayur di kawasan ini cukup ketara apabila berkurangan daripada lebih 25,000 sebelum pandemik melanda, kepada kira-kira 10,000 sahaja ketika ini.

Keaduan itu menyebabkan pengeluaran sayur-sayuran dari Cameron Highlands kini hanya sekitar 400 tan sehari, berbanding lebih 1,000 tan sehari sebelum pelaksanaan PKP dan ia sudah tentu mempengaruhi kejepas harga di pasaran akibat

bekalan kurang.

Agensi Berita BH
"Pengeluaran sayur-sayuran di Cameron Highlands mewakili lebih 60 peratus daripada keseluruhan keluaran sayur dalam negara, lantas isu ini sudah tentu menjadikan kuantiti bekalan di pasaran."



Syed Abd Rahman
Syed Abd Rashid

ga asing sudah kembali ke negara asal pada Februari dan Mac lalu apabila kerajaan mengumumkan warga asing yang visa atau pas lawatan tamat tempoh tidak dikenakan tindakan jika mahu pulang.

"Faktor cuaca tidak menentu sejak kebelakangan ini juga menyebabkan pekebun tidak dapat memaksimumkan penggunaan tanah sehingga menyebabkan pengeluaran hasil tanaman terjejas," katanya.

Menentulah kos input pertanian, beliau berkata, berlaku kenaikan harga sejak selepas PKP memandangkan kebanyakan input pertanian diimport dari

luar negara yang turut berkait dengan kejatuhan nilai ringgit selain perang Russia-Ukraine.

Malaysian International Trade

"Itu (kenaikan kos) alasan diberikan pembekal input pertanian. Kalau dulu baja fertigasi seberat satu ton harganya adalah RM7,000, kini meningkat sehingga RM20,000 untuk satu tan."

"Untuk baju berbentuk biji yang dulunya RM120 bagi beg seberat 40 kilogram (kg), sekarang harganya naik sehingga RM280. Jika ini berterusan, sudah pasti akan mempengaruhi kelangsungan jaminan sekuriti makanan."

"Disebabkan harga input terlalu tinggi, penggunaan baju turut dikurangkan, sekali gus menjadikan pengeluaran hasil," katanya.

RAMAI anak muda beranggapan, pertanian sebagai pekerjaan yang kurang popular kerana terpaksa bekerja dalam suasana persekitaran kotor di bawah terik mentari.

Faktor lain yang menyebabkan pertanian kurang diminati adalah persepsi bahawa pekerjaan tradisional tersebut hanya dilakukan oleh orang tua.

Dari segi ekonomi pula, ramai beranggapan pendapatan sebagai seorang petani kurang lumayan serta tidak menjamin masa depan berbanding pekerjaan glamor lain.

Melihat situasi tersebut, Ketua Pegawai Pertanian, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Allan Lajot mengambil inisiatif menggalakkan lebih ramai mahasiswa meminati bidang tersebut.

Ujarnya, dia mengajak mahasiswa UPM yang bukan menceburii bidang pertanian untuk bekerja secara sambilan sebagai petani dengan memberi upah kepada mereka menguruskan ladang rock melon di Ladang 10, UPM.

"Para pelajar ini bertanggungjawab menguruskan ladang selama tiga bulan bermula dari proses semaihan sehingga penjualan. Komitmen mereka sangat luar biasa terhadap ladang ini."

"Mereka bukan sahaja dibayar upah hasil pekerjaan dilakukan, bahkan berpeluang menimba ilmu pertanian ini," katanya kepada *iGen* baru-baru ini.

Menurut Allan, pelajar yang dipilih untuk bekerja di ladang rock melon terdiri daripada golongan asraf bagi membolehkan mereka menjadi usahawan tani selepas menamatkan pengajian di universiti.

Ujarnya, pihak UPM terpaksa melakukan proses temu duga



AHMAD MUSTAQIM bangga menjadi antara perintis kepada kejayaan ladang rock melon UPM.



Ladang rock melon UPM dedah ilmu tani



PENUAIAN hasil rock melon adalah saat ditunggu-tunggu mereka yang terlibat dalam penanamannya.

terlebih dahulu bagi mencari mahasiswa yang betul-betul berminat bekerja dalam bidang itu.

Katanya, seramai empat mahasiswa bukan pertanian diam-bil bekerja pihaknya dengan upah diangarkan RM30 sehari.

"Penuaian 620 pokok rock melon bagi Program Tanaman Rock Melon.

Varieti Glamor telah memberikan hasil sangat baik kepada UPM. Setakat ini, lebih 300 biji berjaya ditul di ladang ini! —

"Hasil daripada tujuan

berkenan telah membantu UPM menjana hasil, selain membantu pelajar meraih pendapatan sampingan sambil menimba ilmu pertanian," jelasnya.

Salah seorang pelajar terlibat, Ahmad Mustaqim Ismail berkata, program tersebut membolehkannya menimba ilmu yang tidak terdapat dalam bukukuliah, selain menjana sedikit pendapatan tambahan.

Penuntut Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Perladangan itu menjelaskan, antara ilmu yang sukar diperoleh adalah mengenal sistem fertigasi yang banyak digunakan masa kini.

"Saya baru tahu sistem fertigasi bukan harfia untuk rock melon, namun boleh digunakan untuk tanaman lain seperti cili, terung dan bendi."

"Pada saya, usaha dilakukan ini

BAGI Allan, ladang rock melon yang dibangunkan itu memberi ilmu pertanian dan pendapatan kepada pelajar yang diupah menjaganya.

sangat membantu dalam memberikan ilmu serta pendapatan tambahan kepada pelajar terdiri daripada golongan kurang berkemampuan," katanya.

Ahmad Mustaqim berkata, dia merancang menimba ilmu fertigasi bagi membantu meningkatkan pengetahuan penduduk kampungnya dalam bidang pertanian terutama rock melon.

Terangnya, rock melon bukan sahaja senang dijaga, malah buahnya mempunyai nilai sangat tinggi dalam pasaran, sekali gus membolehkan penduduk meningkatkan pendapatan.

"Sepanjang bekerja di sini, antara pengalaman paling manis yang dialui adalah melihat buah rock melon yang sedang dalam proses debunga menjadi besar dan cantik."

"Saya juga berbangga dapat menguruskan masa dengan baik sebagai pekerja dan pelajar kerana waktu pendebungan rock melon adalah sangat penting untuk memastikan kualiti serta kemantuan rasa," katanya.

Sementara itu, pelajar Ijazah Sarjana Muda, Sains Bioteknologi, Nurdeena Akma Mohd. Akmal berkata, program pengajiannya tidak mempunyai kaitan langsung dengan pertanian.

Katanya, disebabkan minat mendalam terhadap bidang tersebut, dia sanggup bekerja di Ladang 10, sekali gus membolehkannya mempelajari ilmu pengurusan ladang rock melon.

"Semasa bekerja di ladang ini, kami diberikan upah menguruskan buah rock melon dan ia sangat berbaloi. Upah yang diberikan adalah untuk simpanan," katanya.

Tambahnya, pertanian boleh diceburi oleh semua bagi menambah hasil tanah negara, selain mampu menjana pendapatan lumayan kepada mereka yang melakukannya secara serius.

25/7/2022

HARIAN
METRO

LOKAL

8

Oleh Nazarali Saerif dan Amir Abd Hamid
am@hnmetro.com.my

Klang

Mengetahui jenis ikan berdasarkan bunyi, itulah keistimewaan dianugerahkan Ilahi kepada nelayan buta sepenuhnya. Jamal Jamil, 55, yang kehilangan pencaindera penglibatannya tiga dekad yang lalu.

Jamal, nelayan yang berpengalaman di jeti Pengkalan Nelayan Sementa Batu 6 di sini, yang ditemani isterinya Noraidah Kamarudin, 49, sebagai jurupandu bot setiap kali turun ke laut sudah kehilangan sepenuhnya penglibatannya pada tahun 1992.

Melihat kecekapanannya seolah-olah boleh melihat ketika mengeluarkan hasil belangkas dan mengasingkan sampah daripada pukatnya di jeti berkenaan semasa dia suami isteri baru pulang dari laut menyebabkan wortawan merasa kagum.

Wartawan: Boleh kenal ikan melalui pegang?

Jamal Insya-Allah boleh kenal. Belum pegang nak dinaiakkan daripada pukat pun saya sudah tahu dan boleh rasa ikan apa. Macam-macam faktor untuk kenali ikan seperti beratnya, menjantannya dan bunyinya. Sebenarnya ikan ada bunyi ketika hidup. Boleh tahu bagaimana bunyi ikan gelana, ikan duri, ikan pari serta sebagainya. Ikan hidup di laut memang ada bunyi. Seluruhnya kita jumpa ikan sudah tertutup mulut di pasar. Ini kita cari yang baru, hidup lagi di laut memang ada bunyi. Macam-macam bunyi ikan. Bukan satu bunyi sahaja. Namun ikan senang dan ikan jenahak pula tidak ada bunyi. Kalau ikan tebal pipi, gerut-gerut memang dia punya ketawa sahaja. Ikan bagok, ikan sembilang semua itu juga ada bunyi. Untuk berat pula, dia juga rasa berat yang diangkat banyak berhasilkannya daripada sampah tersangkut di pukat. Ikan dalam air kalau pun dia dah mati dia tak berat macam sampah sebab ikan itu sedang mainkan peranannya 'memberi'. Kalau ikan berat dia lain, beratnya dapat dirasai menyeronokkan. Ialah lagi berat lagi banyak-lah RMnya.

Bercerita ringkas punca-nya menjadi buta, Jamal berkata ketika usianya lima tahun semasa bermain dengan kawan, mata kiri Jamal tercukup kayu dan ketika itu tak pergi hospital mendapatkan rawatan sebaiknya hanya tuan sahaja.

Jamal berkata, lama-kelamaan mata kiri itu buta sepenuhnya dan berkemungkin-

JAMAL ketika menaiki bot untuk menangkap ikan di tengah lautan.

beritahu tiada harapan untuk celik semula. Pergi pun hanya Menaruh Harapan seperti tajuk lagu Zaiton Sameon," katanya bersetuju.

Jamal yang bekerja kilang sejak masih cekik berakar, dia mendapat keyakinan serta cekal untuk ke laut ketika sudah buta berdasarkan prinsip nak hidup dan perlu membersarkan anak-anak masih kecil pada masa itu.

Hasil perkahwinan Jamal dan Noraidah, mereka mempunyai lima anak iaitu Norarafiah, 31, Muhammad Syafiq, 30, Muhammad Syahizat, 25, Muhammad Farid, 23, dan Farah Umtira, 18, selain lanun cucu iaitu tujuh lelaki dan seorang perempuan.

Beliau berkata, semasa anak-anaknya masih kecil dia suami isteri turut membangun ke laut, malah bot juga digantung buian untuk rehat dan tidur.

Antara puncu utama menjadi nelayan ketika dia sudah buta, Jamal berkata dia sukar untuk memasuki mana-mana pekerjaan termasuk pernah memohon menjadi pengawal keselamatan namun tidak berjaya.

"Sekarang perubahannya yang nyata adalah saya tak nampak. Tetapi dari sudut peneriman takdir, saya tidak khisau dan reda dengan ketentuan Ilahi. Sebahnya saya sudah diberi peluang melihat, pernah boleh nam-pak.

"Sekarang sudah tiada rasa kecewa. Pada awal jadi begini, memang ada kese-dihan. Saya mengakuinya. Saya jadi tensio, stress. Berat badan pun semakin menurun dan saya menjadi kurus.

"Ketika itu saya fikirkan ini bukan masalah saya sa-haja, ia juga menjadi masalah isteri dan anak yang

masih kecil. Macam mana kita nak tangani benda ini, mula dia mula tak nampak..macam-macamlah pemikiran sedemikian berle-gar di kepala," katanya yang mengaku mendapat penda-patan lumayan menjadikan ne-layan berbanding sewaktu bekerja kilang.

Pada awal menjadi nela-yan, Jamal mendapat bantuan bot kecil daripada pihak zakat sebelum pendapatannya sedikit demi sedikit meningkat termasuk mampu memiliki tiga bot serta ru-mah sendiri yang dibina tanpa hutang di atas tanah pusaka arwah bapanya.


Katanya, masa permulaan hidup buta sepenuhnya ada juga rakan yang membawa-nya melakukan pekerjaan kopek kelapa namun Jamal merasakan sukar kerana perlu kopek 1,000 biji kelapa baru dapat upah RM35 pada masa itu selain kena kehark-kan kelapa berkenaan tolak pakai kereta sorong keluar dari kebun kelapa.

"Rasa nak patuh pinggang untuk dapatkan kopek 1,000 biji kelapa sehari. Apa pun sebenarnya profesi jadi nelayan bukanlah saya cakap sompong. Alhamdulillah ada rezekinya."

"Tetapi kena tahu cara ikut jadual yang betul. Peralatan betul dan lengkap untuk sa-saran jenis tangkapan. In-sha-Allah. Rezeki Allah SWT yang punya. Allah SWT kan sayang dengan kita. Jika kita rajin usaha, berdoa, kita su-jud kepada Dia, In-sha-Allah Dia bagi (permintaan).

"Sebenarnya rezeki yang saya dapat lebih daripada dulu. Lebih daripada ber-banding masa kerja kilang. Bukan cakap sompong, ini semua rezeki Dia bagi. Kita berusaha, rasanya sekargin lagi senang daripada masa lalu. Apa kita nak makna, nak pakai apa semua dapat. Cuma taklah saya nak pakai kereta mewah.bolehlah saya pakai kereta murah," kata-nya.

* Bersambung
di muka 9



Anugerah istimewa nelayan buta

Lelaki OKU mampu mengetahui jenis ikan yang berjaya ditangkap berdasarkan bunyi

kinian kayu itu ada bakteria dan menjangkiti pula mata kanan yang akhirnya turut buta sepenuhnya ketika usianya 25 tahun.

"Doktor sebut keadaan saya disebabkan penyakit *retinitis pigmentosa* laju gangguan genetik bawaan pada mata yang berakibat pada hilangnya penglibatan atau kebutaan. Ia mulai dengan rabun senja serta gangguan penglibatan yang berkembang secara bertahap, hingga akhirnya mengalami kebutaan.

"Rawatan terhadap saya sudah dirujuk di pelbagai hospital, tetapi saya difahamkan belum ada teknologi yang boleh mengubat penyakit ini kembali pulih seperti sediakala.

"Ada susulan temu janji, namun saya ada juga yang tak pergi sebab sudah di-

BELANGKAS yang ditangkap Jamal di Jeti Pengkalan Nelayan Sementa Batu 6.



“Belum pegang nak dinaiakkan daripada pukat pun saya sudah tahu ikan apa”
Jamal

Sistem kesan daging halal import siap 2024

Oleh **SYAHIRAH SALLEH**

KUALA LUMPUR: Kerajaan kini sedang membangunkan sistem pengeasan produk daging halal import bagi mengatasi isu keselamatan sumber makanan negara.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim, berkata sistem berkenaan yang dibangunkan berasaskan teknologi rantaian blok (block-chain) dijangka siap pada tahun 2024.

"Pembangunan sistem tersebut mampu meningkatkan dan mengembalikan keyakinan rakyat terhadap produk daging yang negara impor.

"Usaha itu merupakan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inova-

si (MOSTI) serta Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MAFI) menerusi Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Gunaan Nasional (MIMOS)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan Abdul Latiff Abdul Rahman (PAS-Kuala Krai) di Dewan Rakyat, mengenai usaha MOSTI membantu memperkuatkukan sistem sekuriti makanan negara.

Menurut Ahmad Amzad, MOSTI juga sedang melaksanakan kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk menghasilkan varieti benih padi tahan lasak.

Usaha itu, katanya dijalankan dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Mara



Datuk Ahmad Amzad Hashim

(UiTM), Jabatan Pertanian serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Sehingga kini, kata dia sebanyak 27 daripada 46 penyelesaian teknologi dikenal pasti MOSTI, tersedia untuk dilaksanakan segera bagi membantu negara menangani isu sekuriti makanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2022	HARIAN METRO	LOKAL	9



NORAIDAH bersama Jamal dilayan dengan baik oleh komuniti nelayan khususnya Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Pelabuhan Klang.

» Dari muka 3

Beliau berkata, baginya kemudahan menjadi nelayan adalah jika kerja lebih dapat habuan lumayan dan tiada sesiapa nak marah jika kerja overtime atau lebih masa.

Jamal berkata, laut memang terbuka luas 24 jam untuk diambil hasilnya cuma sama ada seseorang itu larat dengan tak larat sahaja

"Di kawasan pantai barat juga tak ada musim tengkujuh seperti di pantai timur, tetapi ada musim angin. Sepanjang Selat Melaka masih ada selat-selat kecil dan banyak pulau-lindung yang kita boleh ubah haluan bot jika cuaca angin kuat. Ada juga masanya tiga empat hari angin kuat walaupun sangat jarang terjadi."

"Puratanya nelayan sini sepanjang tahun memang boleh menangkap ikan," katanya.

Beliau berkata, lebih



HASIL tangkapan Jamal.

menggembirakan dia dan isteri juga dilayan dengan baik komuniti nelayan khususnya Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Pelabuhan Klang, mungkin kerana hanya dia nelayan tunggal berstatus orang kurang upaya (OKU) buta selain tak ramai wanita seperti isterinya menjadi nelayan.

"Insha-Allah boleh dikatakan semua nelayan kenal kami. Boleh dikatakan lebih 80 peratus tahu kami. Ada

juga yang jika terserempak di laut sengaja mengusik saya mengharapkan saya tak kenal mereka ketika mendekati bot kami.

"Tetapi oleh kerana mungkin sudah lama bersahabat, saya boleh kenal melalui bersalamatan atau memegang tubuh badan mereka tanpa dengar suara walaupun isteri kata mereka tunjukkan isyarat jangan beritahu siapa," katanya tersenyum.



NORAIDAH mengumpul hasil tangkapan laut daripada pemukat ikan milik suaminya. - Gambar NSTP/GENES GULITAH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	18

Pasukan khas jihad tekad kawal inflasi – Annuar

KOTA BHARU - Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi bertekad mengawal inflasi dan harga barang makanan di negara ini pada kadar rendah, kata pengurusnya, Tan Sri Annuar Musa.

Beliau yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia berkata, pasukan khas itu mengambil perhatian mengenai kenaikan inflasi di Malaysia yang meningkat sehingga 3.4 peratus bagi tempoh Jun 2021 hingga Jun lepas.

"Pasukan khas mengakui ada trend kenaikan (inflasi) dan yang penting tugas kita (Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi) akan terus memantauinya supaya tidak berlaku peningkatan inflasi secara tidak terkawal."

"Tugas kita sekarang ialah mengawal supaya (kadar inflasi) berada pada tahap tiga peratus dan kalau untuk barang makanan sekitar lima hingga enam peratus," katanya.

Beliau berkata demikian ke-


pada pemberita selepas melawat program Lejongan Jualan Keluarga Malaysia sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Kelantan di Stadium Sultan Muhammad IV, di sini pada Ahad.

Sebelum ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menyatakan Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 3.4 peratus kepada 127.4 pada Jun 2022 berbanding 123.2 pada Jun 2021, melepassi purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Jun 2022 sebanyak 1.9 peratus.

Menurut Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, indeks harga makanan meningkat 6.1 peratus dan kekal sebagai penyumbang utama kenaikan inflasi pada Jun lalu.

Sementara itu, Annuar menegaskan, kenaikan inflasi negara tiada kaitan dengan keberkesanan langkah yang diambil oleh pasukan khas itu.

- Bernama



Annuar (tengah) meninjau khemah jualan di Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Kelantan di Kota Bharu pada Ahad.

Perak bantu penternak ayam daging

IPOH: Kerajaan negeri memperuntukkan RM500,000 melalui pakej rangsangan ekonomi bagi membantu penternak kecil-kecilan di Perak.

Anggota Exco Kerajaan Negeri Razman Zakaria berkata, pelbagai bantuan terkandung dalam pakej itu yang bernilai RM2,000 untuk setiap penternak. Katanya, pakej bantuan itu dapat dimanfaatkan 250 penternak.

"Inisiatif itu sumbangan kerajaan pusat dan negeri bagi membantu penternak di Perak.

"Kerajaan juga menyediakan peruntukan untuk tanam rumput na-



Razman Zakaria

pier di padang padang ragut. Kerajaan pusat beri bantuan RM300 kepada setiap peserta secara 'one off', katanya pada sidang Dun Perak baru-baru ini.

Menurutnya juga ban-

tuan melalui Jabatan Veterinar diteruskan di bawah Skim Rezeki Ter-nak.

Begitu juga bantuan dalam bentuk geran padanan bagi induk ternakan ruminan seperti bantuan input penternakan, peralatan serta pembaikan kandang dan reban.

Manakala tawaran di bawah Geran Agropreneur Muda untuk bantu golongan tersebut dalam bidang penternakan seperti peralatan, mesin, benih, baka, khidmat nasihat dan sebagainya.

Razman juga berkata, subsidi 60 sen untuk ayam daging dan 5 sen telur diteruskan walau-

pun melibatkan peruntu-kan yang begitu besar.

"Kerajaan negeri me-lalui Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) turut membantu usaha pengeluaran makanan ternakan dengan mengadakan usahasama syarikat Cargill Feed Sdn Bhd sebagai langkah mengawal harga pasaran dengan lebih baik untuk manfaat semua," ujarnya.

Menurutnya juga kera-jan negeri turut ber-u-saha membangunkan padang ragut dengan memperbanyak ka-wasan penanaman rum-put napier berkualiti dan tanaman jagung manis.



Menteri Besar bersama penerima anugerah sempena sambutan Hari Peladang.

Pertahan status negeri pertanian

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

BACHOK: Selepas dua tahun Hari Peladang, Penterak tidak dapat diadakan akibat koran penularan Covid 19, Khamis lepas program itu diadakan semula.

Program berkenaan diadakan di Pantai Irama bermula 21 hingga 24 Julai. Orang ramai tidak melepaskan peluang menyaksikan pelbagai pencapaian dalam bidang pertanian di Kelantan.

Ketika berucap merasmikan program tersebut Menteri Besar, Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob berkata, Kelantan mempertahankan sebagai negeri pertanian.

Katanya, usaha terbabit turut digarap melalui gagasan Bertani Satu Ibadah sejak lebih 10 tahun lalu.

Katanya, sejak Kelantan diterajui PAS pada awal 1990-an, agenda bagi menzahirkan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara digerakkan.

"Insyallah kita akan pertahankan dasar tersebut, kita memikirkan kaedah untuk menambahbaik sektor pertanian.

"Ini supaya tanah dapat diguna dan diusahakan bagi mengatasi masalah kekurangan makanan," katanya pada



Dr Nik Zawawi Salleh dan Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail terlibat lembu sado.

sidang media selepas perasmian Hari Peladang, Penterak dan Nelayan Negeri Kelantan 2022 di Pantai Irama di sini Khamis lepas.

Turut hadir Speaker Dewan Undangan Negeri (Dun), Dato' Abdullah Ya'kub, anggota Exco Kerajaan Negeri Tuan Mohd Saripudin, Tuan Ismail dan wakil-wakil rakyat.

Menteri Besar juga berkata, bagi memperkasa kembali lagi agenda itu, kerajaan negeri menubuh Jawatankuasa Dasar Sekuriti Makanan Negeri pada 22 November 2021.

Menurutnya jawatankuasa itu mencadangkan 70 kaedah dalam Pelan Tindakan Strategik Pertanian Negeri Kelantan 2021-2025.

"Pertanian bakal menjadi penyumbang utama pertumbuhan ekonomi negeri serta hala tuju keselamatan makanan. Peruntukan RM10 juta dise-

diakan bagi memastikan pelaksanaan pelan tersebut," kata beliau.

Menurutnya juga pelan bersengeri antara kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan di gerak seiring dasar pertanian negeri.

"Antara fokus diberi tumpuan, keluasan tanah bagi aktiviti pertanian dengan mengekalkan zon jelapang padi dan pewartaan zon industri agrokulturnya," katanya.

Sempena program itu, Tuan Mohd Saripudin menyerahkan cek RM40,000 kepada Peladang Muda Kelantan bagi projek pembangunan pertanian penterakan dan perikanan.

Selain itu turut diadakan Pelancaran Road To MAHA 2022 Zon Pantai Timur yang disempurnakan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Festival luring durian fans to KL

Tourism group: Hold event annually to tap tourists' love for fruit

BY REBEKAH TEO
metro@thestar.com.my

A PASSION for durians has boosted travel within Malaysia and to capitalise on this, a two-day event was held to showcase the prickly fruit to tourists in Kuala Lumpur.

The Malaysia International Durian & Cultural Fest 2022 (MIDCF) held at Pavilion Bukit Jali was launched by Tourism Malaysia senior director for domestic and events division Iskandar Mirza Mohd Yusof.

He said the festival aimed to attract both domestic and foreign tourists to the city so they could indulge in the various types of durians, tropical fruits and food that Malaysia has to offer.

MIDCF was a platform for the event organiser DKing, a durian exporter, to urge the Malaysian government to declare a day to



Several varieties of durians were showcased at the festival.

known for its durians.

In a statement, the company said that having "Durian Day" on the tourism calendar would enhance the global appeal of the fruit.

Malaysia Inbound Chinese Association (MICCA) president Datuk Dr Angie Ng said: "MICCA is targeting to increase inbound tourist arrivals so this festival is ideal for this purpose."

"Recent statistics show that least 50% of tourists from China are durian lovers so MIDCF should be held every year to attract them."

During the event, durian varieties such as XO and D24 were available in addition to other local fruit and *kuith*.

A cultural fashion show by Miss Malaysia Kebaya and a violin performance by Jessica Loo were part of the entertainment.



Iskandar says the event would encourage locals and foreigners to visit Kuala Lumpur and indulge in durians.

celebrate the popular fruit. The company is promoting the concept of a "Durian Day", given that Malaysia is already well-